

Headline	TNB serah tajaan RM2j		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	08 Apr 2021	Readership	338,115
Circulation	112,705	Page No	46
Section	Arena	Journalist	N/A
ArticleSize	146 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 17,187		



## TNB serah tajaan RM2j

**Kuala Lumpur:** Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) menerima wang tajaan berjumlah RM2 juta daripada penaja rasmi Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi menjamin kelangsungan penganjuran Liga Hoki Malaysia.

Penajaan berkenaan disampaikan oleh Ketua Pegawai Perkhidmatan Korporat TNB, Mohamad Ariff Zainol kepada Presiden MHC, Datuk Seri Subahan Kamal dalam satu majlis simbolik di Ibu Pejabat TNB baru-baru ini.

Subahan dalam satu kejayaan melahirkan kesyuruan dengan komitmen TNB meneruskan tajaan dalam menjamin liga hoki kebangsaan kekal menyemarakkan sukan hoki tanah air sekali pun dalam keadaan sukar.

"Kami (KHM) amat bertuah. Bagi sukan hoki negara kami amat bersyukur kerana TNB tidak pernah mengecewakan, apatah lagi banyak urusan dan aktiviti lain di negara ini, terjejas akibat pandemik" katanya.

Sementara itu Ariff ber-



ARIFF (kiri) menyerahkan replika cek penajaan RM2 juta kepada Subahan di Ibu Pejabat TNB, baru-baru ini.

kata, TNB meneruskan komitmen itu sekalipun dalam keadaan sukar susulan pandemik Covid-19 yang memaksa liga dilangsungkan

secara gelembung sukan sepenuhnya bagi mematuhi prosedur operasi standard (SOP), sekali gus meningkatkan kos penganjuran.